



14 April 2015  
14 April 2015  
P.U. (B) 164

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

*REVOCATION OF RESERVATION OF LAND  
FOR PUBLIC PURPOSE*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**KANUN TANAH NEGARA**  
**PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM**

BAHAWASANYA, melalui Pemberitahuan No. 212/1970 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 9 April 1970, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] dan diwakilkan kepadanya oleh Duli Yang Maha Mulia Raja dalam Majlis, sebagaimana dalam Pemberitahuan Undangan Negeri Selangor No. 14 pada 24 Mac 1966, Menteri Besar Selangor telah mengisyiharkan bahawa petak tanah yang terletak di Bandar Kuala Lumpur, yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas pelan ukur hasil No. C.P. 25,490 yang disimpan di pejabat Ketua Juruukur Selangor, menjadi suatu rizab bagi maksud kawasan lapang dan dikawal oleh Pesuruhjaya, Ibu Kota Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 108/2003 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* sebagai P.U. (B) 536/2014 pada 3 Disember 2014: